



ROSMAH menyampaikan Anugerah Perdana Best Seller kepada Tun Dr Mahathir pada Majlis Anugerah Buku Negara 2012 di Dewan Merdeka, PWTC, Kuala Lumpur malam tadi sambil diperhatikan Mohd Khalid (kiri).

Rosmah galak penulis manfaat e-buku

KUALA LUMPUR: Karyawan buku di negara ini disaran memasarkan karya mereka di dalam bentuk buku elektronik atau e-buku bagi mengembangkan industri buku tempatan.

Penaung Anugerah Buku Negara, Datin Seri Rosmah Mansor, berkata pemasaran karya dalam talian dalam bentuk e-buku akan membolehkan karya penulis tempatan menembusi pasaran global dan mencapai pembaca seluruh dunia.

"Sama ada buku fiksiyen atau bukan fiksiyen, mereka harus mengembangkan industri buku negara sehingga menembusi pasaran global.

"Dengan cara itu, tiada lagi halangan yang boleh menyekat masyarakat kita untuk setanding

dengan masyarakat maju," katanya berucap pada majlis Makan Malam Anugerah Buku Negara 2012 di sini, malam tadi.

Hadir sama pada majlis itu, bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad; Pengerusi Anugerah Buku Negara, Hassan Hamzah dan Pengerusi Yayasan Pembangunan Buku Negara, Datuk Mohd Khalid Yunus.

Pada majlis itu, Tun Ahmad Sarji Abdul Hamid dinobatkan Tokoh Buku Negara dengan Anugerah Perdana Tun Sri Lanang melalui karya *Given In Trust - Tun Ahmad Sarji: Memoirs*; Dr Mahathir menerima Anugerah Perdana Best Seller bagi buku beliau *A Doctor in the House: Memoirs of Tun Dr Mahathir Mohamad*; manakala Pengerusi Media

Prima Bhd, Datuk Johan Jaaffar untuk kategori Buku Umum Terbaik Bukan Fiksiyen bagi karya beliau, *Nota Kaki*.

Rosmah menerima Anugerah Kehormat Penaung Buku Negara.

Sasterawan Negara, Datuk Dr Anwar Ridhwan dinamakan Tokoh Pengarang dan dinobatkan dengan Anugerah Perdana Za'ba, manakala Ketua Eksekutif MPH Group, Datuk Ng Tieh Chuan dipilih Tokoh Industri Buku Negara.

Anugerah Buku Negara dibahagikan kepada dua kategori iaitu Anugerah Perdana dan Anugerah Industri dan pemilihan penerima dibuat berdasarkan penilaian panel pemilih dengan kerjasama The Oxford Centre for Excellence (OXCELL), United Kingdom